

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Lapan Penasihat Organisasi Kawasan dipanggil untuk Asia

Peningkatan keterlihatan kepimpinan wanita dalam Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir dicerminkan dalam panggilan baharu – [Penasihat Organisasi Kawasan](#) – yang telah diluluskan oleh Presidensi Utama pada awal tahun ini, untuk dilaksanakan di kawasan antarabangsa. Lapan orang saudari baru-baru ini dipanggil untuk menjadi Penasihat Organisasi Kawasan yang pertama untuk Kawasan Asia.



(Barisan 1, kiri ke kanan): Claire Lim dari Malaysia, Diandra Pratita D. Mongan dari Indonesia, Jitvadee Lattisophonkul dari Thailand. Emily Wu dari Taipei, Taiwan, (Barisan ke-2, kiri ke kanan): Sarah Wu dari Kaohsiung, Taiwan, Agnes Ng dari Hong Kong, Prema Nixon dari India, Keshia Lai dari Singapura.

Saudari-saudari ini adalah:

- 1) Claire Lim dari Cabang Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia. Saudari Lim menerima ijazah sarjana muda dan sarjana master dalam kerja sosial dan kini bekerja sebagai pembantu eksekutif. Sebelum panggilan baharu ini, dia telah melayani sebagai presiden Lembaga Pertolongan dan Sekolah Primer di cabangnya dan penasihat dalam presidensi Sekolah Primer daerah.

2) Diandra Pratita Dewi Mongan dari Bahagian Pertama Bogor, Jakarta, Indonesia. Saudari Mongan adalah lulusan baru dari BYU-Hawaii dalam jurusan komunikasi, media, dan pengajian kebudayaan. Dia kini bekerja sebagai pakar kerjaya. Pada masa pemanggilannya, dia adalah penyelarasa Dewasa Bujang Muda pancang dan pengajar Lembaga Pertolongan Bahagian.

3) Jitvadee Lattisophonkul dari Bahagian Sirnakarin, Bangkok, Thailand. Saudari Lattisophonkul adalah lulusan sains politik dari Universiti Ramkhamhaeng dan mempunyai dua orang anak perempuan. Sebelum menjadi ibu sepenuh masa, dia adalah seorang pramugari untuk Thai Airways International. Saudari Lattisophonkul telah melayani dalam pelbagai kapasiti untuk Sekolah Primer di peringkat cabang dan daerah.

4) Hui-Ching Emily Wu dari Bahagian Shilin, Taipei, Taiwan. Saudari Wu adalah lulusan ijazah sarjana muda dalam reka bentuk grafik dari BYU dan merupakan ibu kepada empat orang anak. Dia mempunyai banyak peluang melayani di Gereja. Panggilannya sebelum ini termasuk presiden Remaja Puteri pancang dan presiden Lembaga Pertolongan bahagian. Dia kini menjadi pengajar seminari di bahagiannya dan seorang penginjil senior pelayanan untuk Misi Taiwan Taipei.

5) Sarah Shu-Hwei Wu dari Bahagian Niasong, Kaohsiung, Taiwan. Saudari Wu mempunyai lima orang anak dan dua orang cucu. Dia mengajar bahasa Inggeris dan merupakan penterjemah untuk Gereja. Dia pernah menjadi presiden dalam Lembaga Pertolongan dan Remaja Puteri di pancangnya, dan mengajar di Sekolah Minggu, Seminari, dan Institut.

6) Oi-Yan Agnes Ng dari Bahagian West Point di Hong Kong. Saudari Ng adalah lulusan dari BYU-Hawaii, dengan ijazah dalam perakaunan dan pengurusan perniagaan. Dia adalah pembantu pentadbiran di Jabatan Projek Khas untuk Gereja. Sebelum menerima panggilan baharu ini, dia telah melayani sebagai presiden Remaja Puteri pancang, pakar perkhemahan Remaja Puteri pancang dan pengarah koir bahagian.

7) Prema Nixon dari Bahagian Ramamurthy Nagar di Bengaluru, India. Saudari Nixon menerima ijazah dalam bidang ekonomi dan kini bekerja sebagai penganalisis pengurusan perniagaan. Dia mempunyai dua orang anak lelaki dan telah melayani dalam pelbagai panggilan di Lembaga Pertolongan, Sekolah Primer, Remaja Puteri dan Sekolah Minggu. Pada masa pemanggilannya, dia melayani sebagai presiden Lembaga Pertolongan pancang dan pengajar Institut bahagian.

8) Keshia Lai berasal dari Bahagian Sembawang di Singapura. Dia adalah lulusan dari BYU dalam sejarah dan memperoleh Ph.D. dalam sejarah Amerika dan wanita dari The Ohio State University. Sister Lai kini bekerja sebagai pentadbir dasar dan pengurus di Universiti Singapura. Selain panggilan baharunya sebagai Penasihat Organisasi Kawasan, dia juga merupakan Presiden Remaja Puteri untuk bahagiannya.

“Kami berterima kasih untuk para saudari yang hebat ini,” kata Presiden Kawasan Asia David P. Homer. “Pengalaman dan pelayanan mereka dalam Gereja akan membantu mereka membimbing, mengajar dan memberkati ramai orang, termasuk pemimpin tempatan Lembaga Pertolongan, Remaja Puteri dan Sekolah Primer.”

Untuk butiran lanjut mengenai Penasihat Organisasi Kawasan, klik [di sini](#).